

**1. PENGUASA LANDASAN
JABATAN PENERBANGAN AWAM
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam atau Pengurusan dan Perkhidmatan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Penyelia Landasan Lapangan Terbang dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam bidang Kejuruteraan Awam atau Pengurusan dan Perkhidmatan atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai pengalaman dalam bidang kerja pemeliharaan infrastruktur, landskap dan kenderaan dan jentera ringan dan barat adalah kelebihan.
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGUASA LANDASAN:

1. Melaporkan diri kepada Pengurus Landasan dalam hal kerja-kerja sehari-hari mengenai Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang.



2. Membantu Pengurus Landasan dalam kerja-kerja berikut:
 - i. Mengurus Pegawai dan Kakitangan Bahagian.
 - ii. Merancang perkembangan dan kemajuan kerja-kerja penyenggaraan dan pemeliharaan infrastruktur, landskap dan kenderaan.
 - iii. Merancang pengambilan kakitangan yang baru.
 - iv. Merancang dan menyusun latihan-latihan dan kursus-kursus yang dikehendaki oleh Pegawai dan Kakitangan.
 - v. Menyediakan dokumen tawaran/sebutharga dan membuat sokongan penilaian terhadap tawaran/sebutharga berkenaan.
 - vi. Merancang dan menyediakan kehendak peruntukan kewangan bagi peruntukan tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara.
3. Mengawasi perjalanan / kemajuan projek-projek Jabatan yang dimandatkan di Bahagian ini.
4. Sentiasa berhubung rapat dengan Penyelenggara Stor di Jabatan ini menentukan stok maksima dan minima bagi setiap alat ganti dan keperluan dan mengawasi pengunaan dan pengeluarannya.
5. Menyediakan laporan teknikal dan laporan projek mengenai dengan kerja-kerja dipertanggungjawabkan.
6. Mengurus dan berhubung dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan bagi hal-hal pemeliharaan dan perancangan projek.
7. Bertanggungjawab kepada Penyelia Landasan dan Foreman Bengkel di Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang.